

## SIARAN MEDIA

### MyCC ANJURKAN KONSULTASI AWAM KEDUA BAGI KAJIAN PASARAN EKOSISTEM EKONOMI DIGITAL

**KUALA LUMPUR, 13 OGOS 2025** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) hari ini mengumumkan pelaksanaan konsultasi awam bagi draf laporan akhir Kajian Pasaran Ekosistem Ekonomi Digital. Inisiatif strategik ini, yang dijalankan di bawah seksyen 11 Akta Persaingan 2010 [Akta 712], menandakan satu perkembangan penting dalam usaha berterusan MyCC untuk memperkuuh amalan persaingan sihat dalam ekosistem digital dinamik negara. Kajian pasaran menyeluruh ini menilai potensi halangan terhadap persaingan berkesan dalam lima (5) sektor strategik utama:

- (i) ***Mobile Operating and Payment Systems;***
- (ii) ***E-commerce (Retail Marketplace);***
- (iii) ***Digital Advertising Services;***
- (iv) ***Online Travel Agencies (OTAs);*** dan
- (v) ***Data Privacy & Protection (Cross-cutting theme).***

Hasil daripada proses libat urus meluas bersama pihak berkepentingan, termasuk kumpulan fokus, temu bual bersama agensi kerajaan, pemain industri dan persatuan, serta maklum balas bertulis yang diterima semasa konsultasi awam bagi Laporan Interim, MyCC telah mengenal pasti isu-isu kritikal berkaitan struktur pasaran, persaingan dan peraturan. Penemuan ini telah membentuk rangka cadangan komprehensif yang akan dikemukakan kepada pihak berkuasa kawal selia berkaitan untuk pertimbangan.

Objektif MyCC adalah jelas, dimana untuk memperkuuh ekosistem pasaran digital Malaysia secara bermakna demi manfaat segera dan jangka panjang. MyCC turut memberi penekanan terhadap cabaran yang dihadapi oleh perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta syarikat pemula, dan mengesyorkan langkah-langkah konkret serta praktikal bagi memastikan peluang persaingan yang sama rata untuk semua peserta pasaran. Sehubungan itu, semua pemain industri berkaitan termasuk perniagaan dan persatuan adalah diseru untuk hadir dan menyumbang pandangan pada sesi konsultasi awam ini. Ketetapan adalah seperti berikut:

**UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI**



**Tarikh: 19 Ogos 2025 (Selasa)**

**Masa: 8.30 AM – 2.00 PM**

**Tempat: AICB Centre of Excellence, Kuala Lumpur**

**Pendaftaran:** <https://forms.gle/JdHEwQ9VxXD1Sdwh8>

Penyertaan adalah percuma dan pihak yang berminat adalah digalakkan untuk mendaftar selewat-lewatnya pada **18 Ogos 2025** bagi menjamin penyertaan anda. Untuk maklumat lanjut, layari [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my) atau hubungi secretariat; Bahagian Ekonomi Persaingan (BEP) di [ced-digitalmr@mycc.gov.my](mailto:cfd-digitalmr@mycc.gov.my) atau di talian +603-3009 3009.

###

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Bahagian Polisi dan Komunikasi

Telefon Bimbit: +6019 269 6037

Emel: [pcd@mycc.gov.my](mailto:pcd@mycc.gov.my)

**Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuaskan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk melindungi proses persaingan yang seterusnya akan merangsang produktiviti, keusahawanan yang berterusan dan inovasi dalam kalangan perusahaan, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta 712 ini terpakai kepada semua aktiviti perdagangan yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia menyediakan kerangka pengawalseliaan termasuk kuasa untuk menyiasat, menghakimi, dan mengenakan hukuman kepada pelaku-pelaku yang melanggar undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-14 pada 1 April 2025 dan sehingga kini, MyCC telah mengambil tindakan tegas terhadap lebih dari 200 syarikat berkaitan dengan kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan yang telah dengan jumlah keseluruhan penalti kewangan yang telah dikenakan melebihi RM667 juta. Keutamaan semasa MyCC adalah termasuk meminda Akta untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan, menumpukan usaha kepada kartel tipuan bida, kartel dalam sektor makanan dan pertanian, serta menangani cabaran yang dihadapi oleh perundangan dan dasar persaingan berikutan ekonomi digital. Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC, sila layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).